

0139

U B393 DEB  
MAHATHIR - MP

ALOR SETAR, 24 OGOS (BERNAMA) -- SEMUA 158 ORANG ANGGOTA PARLIMEN BARISAN NASIONAL (BN) YANG MEMENANGI PILIHAN RAYA 3 OGOS LEPAS DIWAJIBKAN MENGHADIRI KURSUS KHAS TIDAK LAMA LAGI UNTUK MEMBIASAKAN MEREKA DENGAN DASAR DAN PERANAN KERAJAAN DI KUALA LUMPUR, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

KURSUS ATAU TAKLIMAT ITU AKAN DIADAKAN SEBELUM SIDANG PARLIMEN AKAN DATANG, TETAPI TARIKHNYA AKAN DIPUTUSKAN DI MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO 27 OGOS INI, KATANYA KEPADA BERNAMA DI RUMAHNYA DI TITI GAJAH DEKAT SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA PENERUSI BN MENJELASKAN BAHAWA PARA PEGAWAI TERTINGGI KERAJAAN PERSEKUTUAN AKAN MEMBERI TAKLIMAT DAN MENYAMPAIKAN PENERANGAN KEPADA PARA ANGGOTA PARLIMEN ITU.

KATANYA, SETIAP ANGGOTA PARLIMEN PERLU MEMAHAMI DASAR DAN PERJALANAN KERAJAAN SECARA MENDALAM UNTUK MEMBOLEHKAN MEREKA BERKHIDMAT KEPADA RAKYAT DENGAN LEBIH BERKESAN.

BELIAU SENDIRI AKAN MENYAMPAIKAN AMANAT PENTING PADA UPACARA PEMBUKAAN KURSUS ITU. -- LAGI  
2114MST 24 08 86

U B395 DEB  
MAHATHIR - MP 2 ALOR SETAR

PARA MENTERI KABINET JUGA AKAN MENERANGKAN TANGGUNGJAWAB DAN PERANAN KEMENTERIAN MASING-MASING, KATANYA.

MENGENAI KURSUS DAN TAKLIMAT BAGI ANGGOTA-ANGGOTA DEWAN UNDANGAN NEGERI, BELIAU BERKATA PERKARA ITU ELOK DIURUSKAN OLEH MENTERI-MENTERI BESAR DAN KETUA-KETUA MENTERI YANG BERKENAAN.

MENGENAI MESYUARAT MT UMNO YANG AKAN DIPENGERUSIKANNYA ITU, PRESIDEN UMNO ITU BERKATA AGENDA UTAMANYA IALAH MEMBINCANG HASIL KEPUTUSAN PILIHAN RAYA LALU.

KATANYA, MESYUARAT ITU AKAN JUGA MEMBUAT POST-MORTEM TERHADAP HASIL PILIHAN RAYA ITU SEBAGAI AMALAN BIASA UMNO.

BAGAIMANAPUN TIDAK ADA LAPORAN ATAU KERTAS KERJA KHAS DISEDIAKAN OLEH SEKRETARIAT UMNO MENGENAI PERKARA ITU. -- LAGI.  
2122MST 24 08 86

R B397 DEB  
MAHATHIR - MP 3 ALOR SETAR

DATUK SERI DR MAHATHIR DAN ISTERI DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH BERADA DI SINI UNTUK MENGHADIRI MAJLIS PERKAHWINAN ANTARA PUTERI SULTAN KEDAH TUNKU SORAYA DENGAN RAJA KECIL BONGSA PERAK, RAJA ISKANDAR DZULKARNAIN DI ISTANA ANAK BUKIT MALAM INI.

PERDANA MENTERI DAN ISTERI DIJADUAL PULANG KE KUALA LUMPUR PAGI ESOK.

-- BERNAMA  
2146MST 24 08 86